

07 FEB 2000

Abdul Hamid-PAS

TINDAKAN TERHADAP PAS JIKA TERBUKTI KELUAR FATWA

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap PAS sekiranya siasatan mendapati ada bukti yang parti itu mengeluarkan fatwa yang bercanggah dengan ajaran agama Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Abdul Hamid Othman berkata, parti itu juga didapati telah melanggar peraturan negara kerana mengeluarkan fatwa tanpa mengikut saluran yang disediakan.

Ini kerana menurut Enakmen Hukum Syara' negeri-negeri, fatwa mesti dikeluarkan oleh jawatankuasa fatwa negeri setelah diperintah oleh sultan atau raja negeri berkenaan, katanya.

"Apabila ada perkara yang menyentuh orang ramai maka sultan atau raja negeri itu akan menitahkan jawatankuasa fatwa negeri supaya bersidang dan membuat fatwa."

"Jadi apabila PAS dan orang tertentu keluarkan fatwa daripada segi akidah seperti mengundi PAS masuk syurga tak mengundi PAS masuk neraka, ini adalah fatwa yang bersangkutan dengan akidah dan ia bercanggah dengan undang-undang negeri dan dengan sendirinya bercanggah dengan kuasa sultan dan raja," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sabtu lalu yang berkata Umno sedang mengumpul maklumat bagi membuktikan bahawa PAS ada mengeluarkan fatwa yang bertentangan dengan akidah Islam.

Abdul Hamid yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno berkata, isu berkenaan bukan saja isu politik Umno tetapi turut merupakan isu negara kerana menyentuh kedaulatan raja-raja daripada segi hak mengeluarkan fatwa.

"Bukti sudah ada dan kita masih kumpul lebih banyak lagi bukti sebelum kita mengambil tindakan mengikut saluran yang ada," katanya.

Sementara itu, akhbar hari ini melaporkan Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai berkata, parti itu sedia berdepan dengan Umno bagi menjawab segala fatwa yang didakwa bertentangan dengan akidah.

"Ini bukan isu dengan Umno tapi dengan (jawatankuasa) fatwa negeri dan Umno akan jadi saksi, tetapi untuk berunding di peringkat politik itu kita berundinglah," katanya.

Abdul Hamid sebelum itu menemui kumpulan pertama jemaah haji yang terdiri daripada 337 orang yang akan berlepas ke Jeddah hari ini, di Kompleks Tabung Haji Kelana Jaya.

-- BERNAMA